

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai pelaburan Khazanah Nasional di Silicon Valley yang bernilai US\$400 juta. Adakah Khazanah telah membuat keputusan untuk menambahkan nilai pelaburan tersebut dalam masa terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selari dengan mandat Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) sebagai dana pelaburan strategik negara bagi mewujudkan nilai jangka panjang untuk Malaysia, Khazanah meneroka pelbagai peluang pelaburan dalam pelbagai sektor dan kawasan, baik di dalam

mahupun di luar negara.

Di Amerika Syarikat, pelaburan Khazanah yang bermula sekitar 2009 banyak tertumpu dalam sektor inovasi dan teknologi, sesuai dengan kedudukan negara tersebut sebagai salah sebuah pusat inovasi dan teknologi dunia. Setakat 31 Disember 2016, Khazanah telah melabur kira-kira USD410 juta dalam 15 syarikat berdasarkan teknologi dan dana di Amerika Syarikat termasuk General Fusion, Small Bone Innovation, Conformis, Phunware, Coriant dan Palantir.

Khazanah sentiasa meneliti peluang baharu serta keperluan untuk meningkatkan pelaburannya yang sedia ada di Amerika Syarikat, khususnya dalam dana yang mungkin memerlukan modal tambahan, seperti yang telah dipersetujui dan komited terdahulu.